

um (Hello kampus) 16/4/14 (Harris) M/S 27
RDU

Bertujuan meningkatkan prestasi akademik pelajar luar bandar

Empower ECER setiap daerah

Oleh SHAHRINNAHAR LATIB
naharlatib@utusan.com.my

KUANTAN 15 April - Kerajaan negeri berhasrat memperluaskan pelaksanaan Program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) kepada setiap daerah di seluruh negeri bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar luar bandar.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, program yang telah dimulakan sejak 2010 itu melibatkan daerah Bentong, Temerloh, Raub, Lipis, Cameron Highlands, Jerantut, Maran, Rompin dan Pekan.

"Saya amat berpuas hati dengan pencapaian pelajar yang terlibat dalam program ini. Tahniyah kepada ECER yang berjaya membantu pelajar meningkatkan pembelajaran mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Kecemerlangan Pelajar Empower ECER Mahkota di Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Jebasingam Issace John dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Adnan berkata, secara keseluruhan Program Empower ECER itu telah mencatatkan rekod 100 peratus lulus dalam kalangan pelajar yang terlibat.

Mengenai Program Empower Mahkota, beliau berkata, kerajaan negeri menghargai kerjasama



ADNAN Yaakob (tengah), Jebasingam Issace John dan Daing Nasir Ibrahim bersama pelajar cemerlang pada Majlis Kecemerlangan Pelajar Empower ECER Mahkota di UMP, Kuantan, kelmarin. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

antara UMP dan ECERDC yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

"Ini adalah situasi menang-menang antara kedua-dua pihak dan daripada apa yang saya lihat pada

hari ini, rakyatlah yang mendapat manfaat terbesar.

"Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, UMP mempunyai kedudukan yang baik untuk menggunakan sumber akademik bagi

melaksanakan program ini," katanya.

Majlis sama turut menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian kerjasama antara ECERDC dan UMP bagi memperluaskan program berkenaan ke lima sekolah di Pekan

iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Tanah Puteh, SK Seri Maulana, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Mahmud, SMK Pekan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Yok Hua.